

NO. SOALAN: 122

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : UST. DATO' DR. MOHD. KHAIRUDDIN BIN AMAN RAZALI
[KUALA NERUS]**

TARIKH : 19 JUN 2014

RUJUKAN : 6997

SOALAN :

Ust. Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan sejauh mana ancaman kegiatan militan di Malaysia.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Ancaman kegiatan militan di Malaysia masih berada pada tahap yang rendah. Dalam hubungan ini, semua pihak perlu faham bahawa Malaysia bukannya sebagai pangkalan pergerakan pengganas tetapi sebagai transit ke Negara-negara ketiga. Walau bagaimanapun, Kementerian Dalam Negeri melalui PDRM sentiasa memantau dan mengadakan kerjasama serta bertukar-tukar maklumat risikan dengan agensi-agensi keselamatan negara luar khususnya negara-negara ASEAN bagi membanteras kegiatan ini.

Pada masa yang sama tindakan tegas terhadap mereka yang terlibat akan diambil di bawah Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 dan lain-lain undang-undang yang sedang berkuatkuasa sekarang.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DR. MICHAEL JEYAKUMAR DEVARAJ
[SUNGAI SIPUT]**

TARIKH : 19 JUN 2014

SOALAN :

Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bila Kerajaan akan membina Hospital Awam baru di Ipoh, Klang, Pulau Pinang dan Seremban memandangkan Hospital Awam yang sedia ada adalah terlalu sesak dan sentiasa kekurangan katil.

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengambil maklum akan masalah kesesakan yang dihadapi oleh hospital-hospital Negeri termasuk Hospital Ipoh, Klang, Pulau Pinang dan Seremban. Oleh itu, KKM telah mengambil langkah-langkah menambah kapasiti di hospital-hospital berkenaan seperti berikut :

Hospital Seremban mempunyai tambahan kapasiti 316 katil dengan siapnya projek Blok Wanita & Kanak-kanak telah kos pembinaan RM188

juta pada pertengahan tahun 2013. Juga dijangka penggunaan katil hospital ini dapat dikurangkan dengan siapnya projek Pusat Rawatan Harian dengan kos pembinaan RM33 juta di mana rawatan pesakit boleh dilaksanakan secara *day care*.

Hospital Ipoh bakal mempunyai tambahan 404 katil dengan laksananya projek Blok Wanita & Kanak-kanak dan Kardiologi yang bakal siap pada tahun 2017.

Hospital Klang bakal mempunyai tambahan 300 katil dengan pembinaan Blok Materniti yang bakal siap pada tahun 2016.

Hospital Pulau Pinang bakal mempunyai tambahan katil dengan pelaksanaan projek Blok Materniti. Kemasukan pesakit ke hospital ini juga dijangka dapat dikurangkan dengan laksananya projek naiktaraf Hospital Seberang Jaya iaitu Blok Surgikal dan Kardiologi yang masih di peringkat rekabentuk.

Selain itu, kesesakan di hospital ini juga boleh dikurangkan dengan pelaksanaan program rintis hospital kluster di mana perkhidmatan kepakaran di Hospital Negeri di tempatkan di hospital-hospital tanpa pakar. Oleh yang demikian, rujukan pesakit dapat dikurangkan ke Hospital Negeri.

KKM akan terus memantau dan mengkaji keperluan tambahan katil hospital-hospital awam selaras dengan peningkatan penduduk dan perkhidmatan perubatan.